



## MAJLIS TANAH NEGARA KE 66

Kuala Lumpur, 1 Disember – Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mempengerusikan Mesyuarat Ke-66 Majlis Tanah Negara (MTN) yang diadakan di Bilik Mesyuarat 2 Parlimen. MTN pada tahun ini menggabungkan Majlis Perhutanan Negara dan Majlis Mineral Negara

berdasarkan persetujuan MTN ke-65. Sebanyak lima kertas pertimbangan dan dua kertas makluman telah dibentangkan pada mesyuarat pada kali ini yang menyentuh mengenai pentadbiran dan pengurusan tanah negara dan penyelarasan dasar-dasar penggunaan tanah negara ke arah meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Antara persetujuan yang dicapai ialah kerajaan-kerajaan negeri telah memberi jaminan akan memperbaharui tempoh pegangan baru tidak melebihi 99 tahun kepada mana-mana pemilik tanah berstatus pajakan (*leasehold*) yang bercadang memohon pembaharuan atau pelanjutan tempoh pegangan pajakan sedia ada sebelum tempoh pegangan luput kecuali tanah tersebut diperlukan kerajaan bagi tujuan awam.

Selain itu, mesyuarat juga turut bersetuju meminda Akta Perhutanan Negara 1984 bagi memantapkan penguatkuasaan Undang-undang berkaitan perhutanan dalam membanteras pembalakan haram dan kesalahan hutan. Antara lain, mesyuarat turut bersetuju dengan Catuan Tebangan Tahunan (CTT) dalam HSK Bagi tempoh RMK 10. Amalan ini merupakan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat pengurusan hutan secara berkekalan.



### MENARIK DIDALAM



3

Sambutan 125 Tahun Jupem



9

Minggu Alam Sekitar 2010



10

Bengkel Pelan Strategik NRE

## **Sidang Pengarang E-buletin NRE**

### **Penaung**

Y. Bhg Dato' Zool Azha Yusof  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar

### **Sidang Redaksi**

#### **Ketua Editor**

Puan Yamuna Perimalu

#### **Editor**

Cik Nor Azean Hasan

#### **Jurufoto**

En. Mohd Nazri Rapaai  
En. Mohamad Haidhir Hamzah

Pihak Sidang Redaksi eBuletin NRE mengalu-alukan sebarang bentuk cadangan daripada warga NRE. Sila emelkan kepada :

e-mel : [ukk@nre.gov.my](mailto:ukk@nre.gov.my)

Tel : 03-8886 1728 Faks : 03-8889 4763



# Going Green!

## *Tinta Editor*

Salam Sejahtera & Salam 1NRE

eBuletin NRE edisi Oktober – Disember muncul dengan hasrat untuk berkongsi pengalaman dan maklumat, khususnya di kalangan warga NRE dan seluruh pembaca amnya. Buletin ini telah dimuatkan dengan pelbagai perkembangan dan aktiviti-aktiviti menarik yang berlaku pada suku akhir tahun 2010.

Ternyata, dipenghujung tahun ini banyak aktiviti telah dilaksanakan dengan jayanya antaranya ialah Majlis Tanah Negara ke 66, Sambutan Ulangtahun 125 tahun Jabatan Ukur dan Pemetaan dan Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun. Tahun ini juga dirintis dengan kejayaan mengadakan program Kembara Media yang mendapat sambutan yang cukup baik di kalangan media cetak dan elektronik pada kali ini.

Justeru, ucapan syabas di atas kejayaan kita mengembleng tenaga, mengharungi suka duka bersama-sama di tahun tahun 2010 dan tidak lupa ucapan Selamat Menyambut Tahun Baru 2011 kepada semua warga NRE. Adalah diharapkan kita semua dapat membentuk azam baru yang tentunya lebih baik dari semalam di samping berusaha dengan lebih gigih dan berdedikasi lagi bagi meningkatkan lagi imej dan prestasi di NRE. Usaha ini sekaligus akan membantu mencapai lebih banyak lagi kejayaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

Semoga berjumpa lagi!

Sekian.

## *Kandungan*

- Sambutan 125 Tahun Jupem 3
- Minggu Hidupan liar 2010 4
- Sambutan MASM ke-19 5
- Lensa NRE 6
- Klik-Klik Kembara Media 2010 7
- Rekreasi Santai : 8-9  
Mencintai Keindahan Isi Taman Negara
- Bengkel MyCEPA 10
- Bengkel Pelan Strategik NRE 10
- GIS Day 2010 11
- Kampus NRE 12

## *Renungan ...*

*" The achievements of an organization are the results of the combined effort of each individual."*

**- Vincent Lombardi**



# SAMBUTAN ULANG TAHUN 125 TAHUN JUPEM



## Majlis Perasmian

### SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-125 JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

Oleh

YAB TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA

14 OKTOBER 2010, DEWAN PERDANA FELDA

DEWATA FELDA

JUPEM



Kuala Lumpur, 14 Oktober—YB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah merasmikan Sambutan 125 tahun ulangtahun penubuhan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), bertempat di Dewan Perdana Felde.

Beliau telah melancarkan sistem e-kadaster yang merupakan antara sistem ukur tercanggih didunia yang dibangunkan oleh JUPEM yang kini dijadikan sebagai rujukan negara serantau. Sistem e-Kadaster merupakan salah satu projek e-Kerajaan yang berjaya dilaksanakan dengan kos keseluruhan RM287 juta. Ia telah beroperasi sepenuhnya di seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan bermula 1 Mei 2010.

Sistem berkenaan menggunakan teknologi jalur lebar tanpa wayar, teknologi komunikasi dan maklumat (ICT), sistem maklumat geografi (GIS), sistem navigasi satelit global dan sistem ukur terkini. Ketika ini, sistem e-Kadaster telah diintegrasikan dengan projek e-Tanah di bawah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan bagi melengkapkan proses pengeluaran hak milik tanah secara bersepadu antara pejabat ukur dan pejabat tanah di Pulau Pinang.

Selain itu, YB Timbalan Perdana Menteri juga turut melancarkan Akta Geopastial dan setem serta wang siling khas sempena 125 tahun penubuhan JUPEM.

Antara kenamaan yang turut hadir ialah YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri NRE; YB Tan Sri Joseph Kurup Timbalan Menteri NRE; Dato Zaal Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE dan Ketua Pengarah JUPEM.





# SAMBUTAN MINGGU HIDUPAN LIAR 2010

Ayer Keroh, 24 Oktober — Sempena sambutan 'World Wildlife Week', Jabatan PERHILITAN telah menganjurkan sambutan Minggu Hidupan Liar 2010 pada 24 dan 25 Oktober bertempat di Zoo Melaka. Program ini diadakan bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan hidupan liar dalam kehidupan seharian. Selain itu, sambutan program ini juga bertujuan untuk memberi maklumat kepada orang ramai mengenai program pemuliharaan hidupan liar yang dijalankan di Jabatan PERHILITAN dan di Semenanjung Malaysia.

Bertemakan "Pemuliharaan Hidupan Liar Tanggungjawab Bersama", pelbagai aktiviti telah dijalankan, antaranya pertandingan mewarna bagi kanak-kanak, pertandingan fotografi menggunakan telefon bimbit, pertandingan 'wildlife race', pameran, dan *wildlife talk*. Sambutan kali ini dimeriahkan dengan kehadiran Adi Fashla, Duta Hidupan Liar yang turut serta dalam aktiviti bersama pengunjung pada kali ini.



# SAMBUTAN MASM KE-19

Putrajaya, 21 Oktober –Kemeterian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar dan Perbadanan Putrajaya telah melancarkan Minggu Alam Sekitar Kebangsaan Ke-19 bertempat di Presint 4, Putrajaya yang bertemakan “Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama”. Majlis ini telah disempurnakan oleh Y.B Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Dalam ucapannya, beliau menekankan pentingnya peranan yang dimainkan oleh rakyat Malaysia dengan lebih aktif untuk melindungi alam sekitar negara. Beliau juga menyeru agar amalan mesra alam dijadikan sebahagian daripada amalan seharian agar masalah seperti pencemaran udara dan pembuangan sisa dapat ditangani secara berkesan.

SambutanMASM pada kali ini dimeriahkan dengan kehadiran hampir 1 000 orang jemputan daripada pelbagai peringkat sektor kerajaan dan swasta. Begitu juga dengan kehadiran dari Rakan Alam Sekitar dari seluruh negara telah menjayakan sambutan pada kali ini.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah menyampaikan Anugerah Wira Alam dan Anugerah bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar yang berorientasikan objektif untuk menghargai sumbangan pelajar sekolah dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam usaha memelihara alam sekitar. Selain itu, aktiviti pameran yang bertemakan Kempen Kesedaran Pengurusan e-Waste turut diadakan untuk tetamu serta pengunjung yang hadir.

Antara yang turut hadir ialah Dato’ Zool Azha Yusof,

Ketua Setiausaha NRE , Dato’ Hajjah Rosnani Ibrahim, Ketua Pengarah JAS , Ketua-Ketua Pengarah Jabatan dan Agensi serta dif-dif terhormat yang terdiri daripada Ahli Parlimen.



YB Dato Sri Douglas Uggah Embas meluangkan masa beliau melawat pameran dan kempen kesedaran E-Waste.



Persembahan hebat daripada barangan terpakai oleh pelajar daripada SMK Jelutong.



## LENSA NRE



YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar memotong reben gimik pelancaran bagi merasmikan perpustakaan dan gimnasium NRE yang dibuka secara ramainya pada 6 Oktober 2010 bertempat di Anjung Podium, JKPTG.

Kartunis Karikatur Malaysia, Datuk Lat menyampaikan cenderahati kepada YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam dalam Majlis Perasmian Pameran Perubahan Iklim Anjuran Kedutaan Sweden pada 6 Oktober 2010 bertempat di Ikano Power Centre, Damansara, Kuala Lumpur.



YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar memeriksa tahap kebisingan motosikal di Pusat Pengujian Asap Kenderaan (PPAP) JAS Perak bertempat di Pusat Perindustrian Gopeng pada 7 Oktober 2010. Pembinaan PPAP dijangka meningkatkan penguatkuasaan kesalahan membabitkan asap kenderaan dan bunyi bising kenderaan tentang tanggungjawab pemilik kenderaan di Malaysia menjaga kelestarian alam.

YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri NRE bersama Mr. Osman Murad, CEO Standard Chartered dan pegawai-pegawai Standard Chartered di Majlis Standard Chartered Green Fingers, Planting 1,000 trees in Sabah pada 29 Oktober 2010 bertempat di Sandakan Rainforest Park, Kebun Cina, Forest Reserve, Sabah.



YB Dato Sri Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar melancarkan *International Conference and Exhibition Rehabilitation, Restoration and Transformation of Mining Land and Official Opening and Launching of the Coffee Table Book "TIN STORY: Heritage of Malaysia"* pada 1 November 2010 bertempat di Sunway Convention Centre.

Acara menanam pokok oleh YB Tan Sri Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bersempena Majlis Pelancaran Rakan Alam Sekitar Peringkat Parlimen Pensiangan pada 12 November 2010 bertempat di Sekolah Kebangsaan Ambual, Keningau, Sabah.







**'KEMBARA BERSAMA MEDIA NRE 2010'**  
**TEMPAT: TAMAN NEGARA MERAPOH, PAHANG**  
**TARIKH: 26 - 28 NOVEMBER 2010**



## MENCINTAI KEINDAHAN ISI TAMAN NEGARA

oleh : Rosmalina Abdul Kadir

Rosmalinakadir.kadir@kosmo.com.my

TATKALA pemanduan memasuki pintu masuk Taman Negara Pahang (TNP) Merapoh, jangkakan mengenai jisim hutan yang berusia lebih 130 juta tahun ini mungkin meleset.

Bagi mereka yang tidak pernah mengunjunginya, TNP ibarat sebuah lukisan yang tidak dapat dilihat isi kandungannya. Aktiviti rekreasi yang dirancang pengunjung pasti akan jauh lebih menarik daripada jangkakan dan imaginasi.

Kepelbagaian dan nilai flora serta fauna yang terdapat di TNP begitu tinggi berbanding pengetahuan yang dimiliki sesiapa pun. TNP yang memiliki kekayaan mega diversiti menampung kira-kira 14,000 spesies tumbuhan, 200 spesies mamalia, 480 spesies burung dan 80 spesies kelawar. Itu hanyalah jumlah yang direkodkan setakat ini.

Menurut Penguasa TNP, Abdul Kadir Abu Hashim, lima spesies utama yang dilindungi di bawah program konservasi Jabatan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) ialah gajah, harimau, tapir, badak dan seladang.

“Taman Negara Pahang menjadi salah satu daripada 24 rizab hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia,” jelas beliau.

Aktiviti konservasi yang terbabit termasuklah membina laluan hidupan liar bagi mengelakkan pertembungan dengan laluan manusia sehingga mengakibatkan kematian.

“Jabatan kami turut membina terowong untuk laluan hidupan liar seperti gajah di bawah lintasan trek kenderaan bagi mengelakkan kemalangan.

“Perancangan untuk membina laluan untuk hidupan liar dengan menyambungkan Taman Negara dengan Banjaran Titiwangsa juga sedang disusun bagi membolehkan hidupan liar di kedua-dua kawasan bertemu dan membiak,” katanya pada program Kembara Bersama Media Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) di TNP baru-baru ini.

Selain itu katanya, aktiviti pemburuan haram turut disekat terutama membabitkan hidupan liar yang diancam kepupusan. Hidupan liar seperti harimau yang bernilai ratusan ribu ringgit seekor menerima ancaman hebat untuk tujuan perdagangan haram.

“Jabatan menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menyekat aktiviti haram di dalam Taman Negara Pahang termasuk membabitkan kehadiran pendatang asing tanpa izin,” jelas beliau.

Sementara itu, aktiviti program Kembara Bersama Media dan NRE berpeluang menyelusuri khazanah TNP melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Program dua hari berkenaan membawa rombongan kira-kira 35 orang peserta dalam kalangan media dan kakitangan NRE merentasi hutan, melawat santuari ikan kelah, menyertai aktiviti tubing dan safari malam.

### **Kenal spesies**

Bagi mereka yang tidak berkemampuan mendaki gunung, aktiviti berjalan di hutan melalui rentis-rentis atau laluan khas yang disediakan merupakan salah satu cara mengenali spesies tumbuh-tumbuhan yang telah ditandakan dengan lebih dekat.

Antara rentis-rentis yang ada ialah Rentis Interpretif,



**FLORA dan fauna bukan sekadar cantik dalam pandangan mata, malah perlu difahami maksud kewujudannya dalam hidup manusia.**

Rentis Palas, Rentis Gua Gajah, Rentis Gua Peningat, Rentis Bumbun Rimau dan Rentis Berkenu.

Dalam kembara berkenaan, para peserta dibawa melalui Rentis Palas yang menjadi laluan pelbagai hidupan liar dan yang paling kerap ditemui ialah spesies gajah.

Menurut renjer TNP, Mohd. Asrul Ardullah, kehadiran haiwan liar dapat dikesan melalui tinggalan tapak kaki, najis dan kubang. Tanda tinggalan yang dapat dilihat dengan jelas sepanjang Rentis Palas ialah tapak kaki gajah.

Kewujudan haiwan liar juga dapat dikesan melalui kamera khas yang dipasang pada batang pokok. Tujuan pemasangan kamera bukan sahaja untuk mengenal pasti spesies-spesies di hutan berkenaan tetapi juga bagi tujuan bancian dan kajian.

“Kamera yang dipasang akan mengambil gambar secara automatik apabila terdapat objek melaluinya, termasuk manusia dan kenderaan,” jelasnya.

Tambah Asrul, selain memahami tabiat hidupan liar, pengunjung juga berpeluang mendekati spesies pokok-pokok yang hidup meliar. Setiap satunya mempunyai nilai yang tinggi di pasaran seperti tongkat ali dan gaharu.



## Santuari ikan sensitif

SPESIES labah-labah dan serangga adalah antara kumpulan terbesar dalam piramid hidupan hutan.

Santuari ikan kelah yang terletak di Lubuk Tenor, Kuala Tahan dan Kuala Juram, Merapoh adalah sebahagian tempat menarik yang dilawati. Ia merupakan kawasan peliharaan ikan kelah dan dilindungi daripada aktiviti penangkapan ikan. Pemuliharaan ikan kelah adalah supaya ia terus wujud di habitat asalnya. Ia menjadi kegilaan kaki pancing kerana kerakusannya merembat umpan pada mata pancing dan berharga tinggi di pasaran.

Di santuari itu, para peserta dibenarkan memberi ikan makan dengan tangan. Ikan-ikan berkenaan sangat jinak dengan manusia dan akan berkumpul apabila makanan ditaburkan di permukaan sungai.

Menurut kakitangan santuari berkenaan, ikan-ikan kelah yang terdapat di situ akan datang apabila loceng dibunyikan,

menandakan waktu makan sudah tiba serta tidak akan lari apabila berada di dalam kumpulan manusia yang ramai.

Keadaan air sungai yang jernih memudahkan kelah dilihat walaupun ia dikategorikan sebagai spesies ikan yang sensitif. Namun, ikan kelah di santuari itu agak jinak dengan pengunjung.

“Pengunjung dapat memegang ikan kelah yang berenang dengan laju melawan arus untuk mendapatkan makanan yang ditaburkan.

“Selain itu, aktiviti berenang dan mandi bersama ikan kelah juga dibenarkan. Ikan-ikan yang ditangkap menggunakan tangan mestilah dilepaskan semula,” katanya.

Dalam pada itu, ikan kelah yang mendapat jolokan Raja Sungai mempunyai isi yang enak sehingga sisiknya boleh digoreng dan dimakan seperti keropok menyebabkan harga bagi sekilogram kelah boleh mencapai ribuan ringgit.



PARA peserta program cuba menyentuh ikan-ikan kelah yang jinak di santuari dekat Lubuk Tenor

## Safari malam

Tidak seperti pengalaman di zoo, peluang untuk melihat haiwan liar secara dekat merupakan pengalaman yang sangat berharga kerana hanya mereka yang bernasib baik sahaja dapat bertembung dengan haiwan-haiwan liar berkenaan. Pengalaman itu sekali gus mengujakan peserta program kembara tersebut meskipun peluang menemui haiwan yang diancam kepupusan seperti gajah dan harimau sangat tipis.

Dalam lawatan sekitar pukul 11 malam itu, para peserta menaiki pacuan empat roda merentasi laluan safari malam untuk melihat flora dan fauna dalam suasana berbeza.

Perasaan takut bertukar seronok

apabila para peserta berjaya melihat kelibat burung hantu dan kucing batu. Bagaimanapun, haiwan berkenaan beredar dengan segera apabila menyedari kehadiran manusia dan lampu suluh.

Menurut renjer yang terbabit, haiwan liar sensitif dengan cahaya lampu kenderaan menyebabkan peluang melihat haiwan liar agak tipis.

“Haiwan liar akan beredar apabila disuluh dengan lampu atau apabila mereka berasa terancam,” katanya pada perjalanan yang mengambil masa kira-kira sejam setengah itu.

Sememangnya program kembara ini adalah antara cara terbaik buat para peserta mendekati elemen biologi seterusnya memahami sistem

ekologi belantara dan tabiat ‘penghuninya’.

Apabila manusia semakin menghargai komponen sains kehidupan tersebut, keseimbangan boleh wujud antara ruang ciptaan manusia dan juga alam semula jadi yang menjadi khazanah negara.

*Sumber : Di petik daripada akhbar Kosmo, 8 Disember 2010*

## **Bengkel *MyCEPA*: Merintis Program Kesedaran Awam Mantap**

Merapoh, Pahang, - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara telah menganjurkan Bengkel Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam Malaysia untuk Alam Sekitar (*MyCEPA*). Ini merupakan usaha untuk mewujudkan dan mengiktiraf pelan tindakan komunikasi berhubung biodiversiti. Bengkel ini telah diadakan pada 12 hingga 14 Disember 2010 bertempat di Pusat Interpretif Taman Negara, Sungai Relau, Merapoh, Pahang.

Seramai 40 orang peserta dari pelbagai agensi termasuk jabatan-jabatan di bawah NRE, agensi-agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan. Selain itu, bengkel ini juga menghimpunkan pakar-pakar dan ahli yang terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam di jabatan/agensi/ badan masing-masing. Selain itu, para peserta dapat mempelajari dengan lebih dekat tentang pelbagai aktiviti kesedaran awam yang telah dilaksanakan serta bertukar-tukar pandangan dan

pengalaman yang berkaitan. Bengkel ini juga dapat menghimpunkan idea-idea dari para peserta agar program NRE akan dilaksanakan dengan lebih bersepadu dan berkesan, serta sampai tepat kepada golongan sasaran. Dan diharapkan agar bengkel ini merupakan satu titik tolak yang memulakan aktiviti kesedaran yang mantap bagi menjamin alam sekitar yang berkekalan.



Peserta *MyCEPA* merakamkan foto kenangan di Rentis Gunung Tahan, selepas selesai mengadakan aktiviti *Jugle Tracking* di Taman Negara Merapoh, Taman Negara, Merapoh.

## **Bengkel Penyediaan Pelan Strategik NRE 2010**

Langkawi - Berempat di Hotel Meritus Pelangi, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Pelan Strategik NRE. Bengkel yang berlangsung pada 2 hingga 5 Disember ini telah diadakan dan dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Zool Azha Yusof, Ketua Setiausaha NRE.

Bengkel ini dihadiri oleh 40 orang pegawai daripada kementerian, jabatan dan agensi dibawah NRE yang terdiri daripada Ketua-ketua Pengarah Jabatan dan Agensi, Setiausaha-setiausaha Bahagian serta pegawai-pegawai kanan. Dua orang penceramah daripada Universiti Utara Malaysia, telah dijemput untuk memberikan taklimat. Objektif utama bengkel ini bertujuan memberikan pendedahan kepada para peserta tentang penyediaan pelan strategik NRE yang lebih efektif.






# GIS DAY 2010

18 NOVEMBER 2010

@

SEKOLAH KEBANGSAAN TEMENGGONG IBRAHIM PENGGARAM,  
BATU PAHAT, JOHOR

"melihat DUNIA melalui GIS"




**Batu Pahat, 18 November 2010** Sistem Maklumat Geografi atau *Geographical Information System (GIS)* merupakan satu kaedah untuk menganalisis maklumat geografi secara digital. Rata-rata, pemahaman masyarakat Malaysia masih kurang memahami tentang teknologi GIS dan kepentingannya.

Perkembangan teknologi GIS kini telah lama diimplimentasikan oleh negara-negara maju, dan ini telah memberi impak yang besar terhadap kemajuan dan pembangunan di negara tersebut.

Selaras dengan fungsi MaCGDI, iaitu menjalankan pelbagai aktiviti untuk mempromosikan GIS dan menggalakkan penggunaan GIS ke seluruh negara. Oleh itu penganjuran GIS DAY telah dilaksanakan oleh MaCGDI untuk memberi pengetahuan awal kepada generasi muda mengenai teknologi GIS.

Semua komuniti GIS dari agensi kerajaan atau swasta menggembleng tenaga bersama-sama untuk men-

didik orang awam untuk mengetahui dan memahami mengenai GIS. Sambutan diadakan setiap tahun pada hari Rabu minggu ketiga pada bulan November dan disambut ini diadakan secara global. Komuniti GIS di seluruh dunia digalakkan untuk menganjurkan *GIS DAY* di tempat mereka.



*GIS DAY* 2010 kali ini telah mendapat kerjasama dari Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Batu Pahat, Johor. Sambutan Sekolah Kebangsaan Temenggong Ibrahim, Penggaram, Batu Pahat, Johor. Program ini telah dirasmikan oleh guru besar Sekolah iaitu Tn. Hj. Idris bin Hj. Selamat.

Program GIS DAY 2010 telah dimulakan dengan taklimat mengenai MaCGDI dan pengenalan asas GIS oleh pegawai MaCGDI. Seramai 200 pelajar telah menyertai GIS DAY 2010 ini.

Bersesuaian dengan tema *GIS DAY*, iaitu "melihat dunia melalui GIS". Semua aktiviti yang dijalankan adalah secara santai di mana pendekatan secara *informal* dilaksanakan untuk menyebarkan pengetahuan asas GIS.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh para fasilitator adalah pertandingan *Mix Match & Map*, *Jigsaw Puzzle*, *Crossword Puzzle*, dan berbagai aktiviti lain yang menarik.

Upacara penutup dan penyampaian hadiah bagi program GIS DAY 2010 ini telah disempurnakan oleh wakil dari Pejabat Pelajaran Daerah Batu Pahat, iaitu

# PENGGUNAAN GEOSPASIAL DALAM URUSAN KERAJAAN

## CAMPUS NRE

Kampus NRE merupakan cetusan idea YBhg. Dato' KSU sebagai medium perkongsian ilmu kepada warga NRE terutama berkaitan isu-isu semasa sumber asli dan alam sekitar.

Pada 26 November 2010 Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) telah diberi peluang untuk menganjurkan Kampus NRE ini bertempat di Dewan Baiduri, NRE.

Program kampus NRE kali ini telah dirasmikan sendiri oleh Y. Bhg. Dato' KSU Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tema kampus NRE kali ini adalah "PENGGUNAAN MAKLUMAT GEOSPASIAL DALAM URUSAN KERAJAAN".

Ianya bertepatan dengan kemajuan pasarana teknologi negara kini, seharusnya pihak kerajaan perlu menggunakan maklumat geospasial dalam setiap urusan. Ini adalah kerana keputusan yang akan dibuat dapat mengimbangi kelestarian pembangunan yang akan dikecapi pada masa akan datang.

Program dimulakan dengan tayangan montaj mengenai MaCGDI dan disusuli dengan tiga taklimat mengenai penggunaan maklumat geospasial dalam urusan kerajaan dari MaCGDI.

Taklimat pertama 'Peranan MaCGDI Dalam Pengurusan Maklumat Geospasial' oleh Pengarah MaCGDI, Puan Fuziah binti Abu Hanifah K.M.N. Taklimat kedua 'Penggunaan Maklumat Geospasial dan Aplikasi GIS' yang disampaikan oleh Dr. Zainal bin A. Majeed.

Taklimat yang seterusnya pula mengenai 'Perkongsian Maklumat Geospasial Melalui MyGDI dan G4NRE' yang disampaikan oleh Puan Mariyam binti Mohamad. Dianggarkan lebih daripada 200 warga NRE telah menghadiri program ini.

